

Berdosa subahat 'geng plastik hitam'

IPOH - Peniaga Muslim diingatkan agar tidak bersubahat dengan individu yang sengaja tidak berpuasa dengan menjual makanan secara terbuka kepada golongan berkenaan sepanjang bulan Ramadan, kerana perbuatan itu menjejaskan kesucian ibadah dan nilai agama.

Timbalan Mufti Perak, Datuk Zamri Hashim berkata, fenomena individu membeli makanan menggunakan plastik hitam ketika siang hari setiap Ramadan bukan perkara baharu dan berkait rapat dengan tahap keimanan seseorang.

Menurutnya, ibadah puasa tidak boleh dipaksa kerana ia melibatkan soal dalaman individu namun masyarakat mempunyai tanggungjawab untuk menegur dan menasihati sekiranya melihat perbuatan yang mencemarkan kesucian Ramadan.



Zamri (tengah) ketika sidang media Pengumuman Kadar Zakat Fitrah Negeri Perak 1447 Hijrah/2026 Masihi di Ibu Pejabat Zakat Perak Al-Ridzuan di sini pada Selasa.

"Perkara ini berlaku setiap tahun dan ia melibatkan iman seseorang. Kita tak boleh memaksa perkara dalaman, tetapi kita mohon penglibatan masyarakat supaya memberi nasihat atau melaporkan perkara ini.

"Yang paling utama, saya mohon sangat kepada peniaga-peniaga kita. Walaupun mereka buka pada waktu pagi atau tengah hari, sekiranya menjual kepada mereka yang memang tidak boleh berpuasa seperti kanak-kanak kecil,

KADAR ZAKAT FITRAH 2026

Kadar zakat fitrah mengikut negeri-negeri bagi 2026.

Kedah: RM9/ RM15 / RM23

Pulau Pinang: RM10 / RM15 / RM25

Perak: RM10 / RM16 / RM25

itu dibenarkan," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena Pengumuman Kadar Zakat Fitrah Negeri Perak 1447 Hijrah/2026 Masihi di Ibu Pejabat Zakat Perak Al-Ridzuan di sini pada Selasa.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, Syamsul Hazeman Md Salleh dan Pengurus Besar Zakat Perak Al Ridzuan, Ahmad Nazim Md Tajuri.

Bagaimanapun, Zamri menegaskan bahawa peniaga yang menjual makanan kepada individu yang sengaja tidak berpuasa telah melakukan perbuatan bersubahat dan menanggung dosa.

"Sekiranya kita menjual kepada mereka yang sengaja tidak berpuasa, kita sudah bersubahat dan kita sudah berdosa. Sebab itu kita harapkan perkara ini dapat dikurangkan.

"Mungkin sukar untuk mengatakan ia tidak akan berlaku langsung, tetapi harapan kita supaya ia semakin berkurang," ujarinya.

Sementara itu, Zamri berkata, kadar wajib zakat fitrah di Perak bagi tahun 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi kekal RM10 bagi setiap individu sebagaimana ditetapkan pada tahun sebelumnya.

Katanya, penetapan itu dibuat atas perkenan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizuddin Shah serta selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak secara ijmak.

Menurutnya, kadar wajib RM10 dikenakan kepada pembayar zakat fitrah yang menggunakan beras super spesial tempatan dan super import.

"Selain itu, kadar pilihan atau galakan RM16 ditetapkan bagi pengguna beras perang, beras wangi, herbal poni dan beras rebusan.

"Manakala kadar pilihan RM25 pula bagi pengguna beras basmati, beras pulut, beras Jepun dan beras merah," katanya.